

Larangan eksport sarang burung dari Malaysia ditarik balik

NANNING, China 1 April - Larangan eksport sarang burung dari Malaysia ke China ditarik balik dengan syarat kandungan nitrat produk tersebut mesti mematuhi piawaian tempatan iaitu tidak melebihi 30 bahagian per juta (ppm).

Kebenaran eksport sarang burung itu dinyatakan oleh Perdana Menteri China, Wen Jiabao dalam pertemuan dua hala dengan rakan sejawatnya, Datuk Seri Najib Tun Razak yang dalam lawatan kerja sehari ke

sini, hari ini.

Menurut Perdana Menteri, surat pengesahan kebenaran eksport produk tersebut telah diperoleh dan pihak yang terlibat sedang mengusahakan protokol untuk pelaksanaan dasar baru itu.

“Perkara ini akan dimaklumkan kepada pengusaha-pengusaha dan sudah tentu ini dapat memberi hasil yang besar kepada pengusaha sarang burung di Malaysia,” katanya.

Najib berkata demikian kepada wartawan Malaysia di Lapangan Terbang Antarabangsa Nanning sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur.

Kerajaan China sebelum ini melarang eksport sarang burung dari Malaysia yang tidak memenuhi piawaian tempatan iaitu kandungan nitrat sifar ppm.

Pada sidang akhbar itu juga, Najib memberitahu, persetujuan kerajaan China untuk menimbangkan pemberian lesen operasi

kepada AirAsia bagi menambah laluan ke Nanning.

Katanya, dalam pertemuan dengan Jiabao itu, beliau telah memaklumkan bahawa kerajaan Malaysia telah memberi kelulusan kepada syarikat penerbangan itu untuk memulakan penerbangan ke Beijing dan Shanghai.

“Justeru, dengan pertimbangan dari pihak kerajaan China, maka AirAsia juga boleh menambah laluan ke Nanning,” katanya.

Selain itu, Perdana Menteri berkata, adalah menjadi hasrat Jiabao untuk melihat hubungan pemimpin belia di antara kedua-dua negara dipereratkan.

“Dalam hal ini, saya telah maklumkan bahawa Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ahmad Shabery Cheek akan mengetuai rombongan 100 pemimpin belia ke Beijing dua minggu lagi.

“Malaysia juga sedia menerima lawatan pemimpin belia dari China,” katanya. - UTUSAN